

Cabaran Minda

1. Tulis jawapan anda dengan pilihan jawapan YA atau TIDAK.

- (a) Karbon dioksida ialah gas rumah hijau yang menyebabkan pemanasan global.
- (b) Pemanasan global menyebabkan hakisan tanah di kawasan petempatan.
- (c) Tsunami adalah sejenis ribut yang terjadi akibat pemanasan global.
- (d) Peningkatan aras laut disebabkan oleh pencairan salji di Kutub Utara.
- (e) Penggunaan tenaga solar menyebabkan kenaikan suhu bumi.
- (f) Letusan gunung berapi merupakan punca pemanasan global secara semula jadi.

☐
☐
☐
☐
☐
☐

2. Berdasarkan Kajian Panel antara Kerajaan tentang Perubahan Cuaca (IPCC), purata suhu global akan meningkat 1.5 °C hingga 4.0 °C dalam abad ini. Pemanasan global ini membawa bencana kepada manusia.

Bincangkan punca dan kesan bagi pernyataan di atas.

